

Kes peniaga belon sudah ke Timbalan Pendakwa Raya

Kuala Lumpur: Kertas siasatan kes peniaga belon terbabit insiden pergelutan dengan pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 28 Mac lalu, sudah diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya dan setakat ini pihak polis masih menunggu arahan lanjut.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa, berkata pihaknya juga masih menunggu laporan perubahan peniaga belon terbabit.

Beliau berkata, polis membuka kes di bawah Seksyen 186, Seksyen 325, Seksyen 506, Seksyen 505(b) Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

“Seorang suspek tak direman kerana ada masalah sakit jantung yang serius tapi seorang lagi telah direman dua hari sebelum dibebaskan dengan jaminan polis.

“Polis juga sudah merampas telefon bimbit dari suspek kedua ini untuk dihantar ke makmal bagi tindakan lanjut,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Rushdi berkata, pada masa ini pihaknya masih belum mene-



Tangkap layar video tular kekecohan membabitkan penjaja belon dan penguat kuasa DBKL.

rima laporan penuh perubahan oleh Hospital Sultan Idris Shah di Serdang yang dijalankan terhadap penjual belon terbabit.

Katanya, jika ada keterangan daripada doktor untuk laporan awal, itu memadai untuk membuat keputusan.

“Laporan perubahan ada SOP (prosedur operasi standard) dan mengambil masa tertentu untuk

disiapkan dan jika ada keterangan dan boleh dijelaskan dengan soalan tertentu, ia boleh dijadikan sebagai pertimbangan untuk buat keputusan,” katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 11.50 malam pada 28 Mac, beberapa rakaman video tular membabitkan pertengkaran antara kumpulan penguat kuasa DBKL

dengan peniaga belon di Jalan Tunku Abdul Rahman, dekat sini.

DBKL menerusi kenyataan memaklumkan penjaja tanpa lesen itu bertindak agresif apabila ditegur buat kali ketiga sehingga berlaku sentuhan fizikal.

Susulan insiden itu, peniaga terbabit menerima rawatan di hospital.